

0011

R 8687 BAH
MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 FEB (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENCADANGKAN KEPADA INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI NEGARA INI SUPAYA MENGAJAI SAMA ADA PATUT MENGAJAR LATIHAN KEPERIBADIAN UNTUK MEMBOLEHKAN PARA PELAJARNYA MENGHADAPI CABARAN SEMASA.

PERDANA MENTERI BERKATA, LEPASAN-LEPASAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TIDAK BOLEH MENGHARAPKAN KEPADA KELULUSAN TINGGI SEMATA-MATA UNTUK MENGHADAPI CABARAN HIDUP SEKARANG TETAPI SEBALIKNYA MEREKA MESTILAH MEMPUNYAI SIFAT-SIFAT SEPERTI TABAH HATI, IKHLAS, RAJIN DAN TIDAK BONGKAK.

SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN PERSATUAN BEKAS-BEKAS PELAJAR INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) DI SINI, BELIAU BERKATA, WALAUPUN SIFAT-SIFAT INI TIDAK DISAMPAIKAN KEPADA PARA PELAJAR BERKENAAN MELALUI PENDIDIKAN FORMAL, IA PENTING UNTUK MENGHADAPI CABARAN SEKARANG.

MENURUTNYA, SUATU MASA DULU, LEPASAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BERPENDAPAT BAHAWA DENGAN KELULUSAN TINGGI, MEREKA BERHAK MENDAPAT KERJA DAN PENCEN SERTA MENGANGGAP KEDUA-DUANYA SEBAGAI HAK MEREKA.

+TETAPI HARI INI, BANYAK YANG MENDAPAT KELULUSAN BAIK TIDAK MENCAPI KEHIDUPAN BAHAGIA KERANA MENGANGGUR BIARPUN MEREKA MENDAPAT IJAZAH DOKTOR FALSFAH,+ KATANYA. -- LAGI

0113MST 21 02 88

0012

R 8688 BAH
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA PELUANG PEKERJAAN DAN PENCEN YANG SUATU MASA DULU DIANGGAP SEBAGAI +HAK+ TIDAK LAGI DAPAT DICAPAI SEPENUHNYA KERANA PELUANG UNTUK ITU TIDAK ADA LAGI.

MENURUTNYA, APABILA KERAJAAN MENEKANKAN SOAL DISIPLIN DAN SIFAT RAJIN DI KALANGAN RAKYAT, IA BERTUJUAN MENYEDARKAN MEREKA UNTUK BERSEDIA MENGHADAPI CABARAN SEMASA DAN BUKAN SEPERTI DAKWAAN SESETENGAH PIHAK KONONNYA KERAJAAN HENDAK MENGONGKONG RAKYAT.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BERBANGGA KERANA RAMAI YANG DAPAT MENGHADAPI CABARAN ITU DAN SANGGUP MENCEBURI BIDANG YANG TIDAK DIPELAJARI OLEH MEREKA DAHULU.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, BEKAS-BEKAS PENGARAH ITM, TAN SRI ARSHAD AYUB, DATUK HAJI LOKMAN MUSA, PROF DR AWANG HAD SALLEH, DATUK NIK ABDUL RASHID NIK ABDUL MAJID DAN PENGARAH SEKARANG, DR MOHAMED MANSOR HAJI SALLEH. -- BERNAMA

0117MST 21 02 88